



**AIA PUBLIC
TAKAFUL**

Sebahagian dari



PERLINDUNGAN

A-Life *Kasih Famili*

Demi Kehidupan Yang Lebih Bermakna Untuk Anda Dan Keluarga



Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil / produk takaful yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA PUBLIC Takaful Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Sebahagian dari



**AIA PUBLIC
TAKAFUL**

Ahli PIDM

A-Life *Kasih Famili* Demi Kehidupan Yang Lebih Bermakna Untuk Anda dan Keluarga

Melangkah ke alam pekerjaan mahupun membina keluarga yang bahagia merupakan pengalaman yang menarik dan tidak ternilai. Mencapai tahap kehidupan ini juga bermakna anda sudah bersedia untuk memikul tanggungjawab dan komitmen yang jauh lebih besar; mengawal kehidupan anda serta menyediakan yang terbaik untuk keluarga anda, tanpa mengira penat dan lelah.

Oleh itu, kami percaya bahawa kesejahteraan hidup orang tersayang adalah keutamaan anda. Dan kerana keluarga adalah segala-galanya buat anda, kasih sayang yang dicurahkan kepada mereka tidak sepatutnya berakhir walaupun anda sudah tiada lagi.

Memperkenalkan **A-Life *Kasih Famili***, pelan Takaful Keluarga yang memenuhi keperluan perlindungan keluarga anda. Pelan ini memberikan anda ketenangan fikiran mengetahui bahawa keluarga anda akan dapat terus menikmati kehidupan yang berkualiti sekiranya sesuatu yang tidak dijangka berlaku kepada anda mahupun pasangan anda.

Buatlah perancangan lebih awal dan pastikan kehidupan yang lebih bermakna untuk anda dan keluarga dengan **A-Life *Kasih Famili***.

A-Life *Kasih Famili* Demi Kehidupan Yang Lebih Bermakna Untuk Anda Dan Keluarga



Perlindungan
Berbaloi Dengan
Wang Anda



Perlindungan Untuk
Anda & Pasangan



Perlindungan
Tambahan Untuk
Penyakit Kritikal



Hibah Untuk
Yang Tersayang



PELAN KELUARGA

Tertakluk kepada terma dan syarat.

Melihat Faedah-Faedah Dengan Lebih Dekat¹



Faedah Kematian atau HUMK

Keluarga anda akan menerima amaun perlindungan asas jika berlaku perkara-perkara berikut:

1. Kematian akibat semua sebab; atau
2. Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (HUMK)



Faedah Kematian Akibat Kemalangan

Keluarga anda juga akan menerima amaun perlindungan asas sebanyak **200%** jika berlaku kematian akibat kemalangan kepada anda.



Faedah Tambahan Untuk Perlindungan ke Atas Pasangan

Dengan rider **A-Plus ProtectSpouse-i**, pasangan anda akan mendapat perlindungan jika berlaku kematian, HUMK atau kematian akibat kemalangan.



Faedah Tambahan Untuk Perlindungan Penyakit Kritikal

Anda boleh memilih salah satu daripada rider-rider ini untuk mempertingkatkan pelan anda dengan perlindungan penyakit kritikal.

1. **A-Plus CriticalCare-i**; atau
2. **A-Plus Waiver-i**

¹ Tertakluk kepada terma dan syarat.

Perkara Yang Anda Perlu Tahu

S: Apakah maksud Takaful?

Takaful ialah skim saling bantu-membantu berdasarkan prinsip-prinsip perpaduan, persaudaraan dan kerjasama. Setiap peserta bersetuju untuk memberi sumbangan berdasarkan *Tabarru'* (derma) ke dalam dana, yang dinamakan Dana Risiko Peserta (DRP), digunakan untuk saling bantu-membantu di saat diperlukan. AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC) sebagai Pengendali Takaful diamanahkan untuk melabur dengan sewajarnya dan menguruskan dana ini berdasarkan strategi pelaburan mengikut prinsip-prinsip Syariah.

S: Apakah itu A-Life *Kasih Famili*?

A-Life *Kasih Famili* adalah pelan Takaful Keluarga caruman berkala yang menyediakan anda perlindungan ke atas kematian, hilang upaya dan kematian akibat kemalangan. Anda juga boleh memilih untuk mempertingkatkan perlindungan pelan asas dengan menambah faedah pilihan untuk perlindungan ke atas pasangan dan penyakit kritikal.

S: Siapakah yang layak untuk menyertai A-Life *Kasih Famili*?

	Umur Minimum	Umur Maksimum
Orang Dilindungi	16 tahun	60 tahun
Peserta	16 tahun	Tiada had

S: Apakah tempoh perlindungan A-Life *Kasih Famili*?

Sijil akan matang pada ulang tahun sijil atau apabila Orang Dilindungi mencapai umur 70 tahun.

S: Berapakah amaun perlindungan yang ditawarkan A-Life *Kasih Famili*?

Anda boleh memilih amaun perlindungan bermula dari jumlah minimum sebanyak RM50,000 sehingga jumlah maksimum sebanyak RM500,000. Bagi rider **A-Plus ProtectSpouse-i**, jumlah minimum amaun perlindungan rider tersebut adalah RM30,000 dan jumlah maksimumnya tidak boleh melebihi amaun perlindungan bagi pelan asas.

Jumlah maksimum bagi amaun perlindungan anda tertakluk kepada keperluan pengunderaitan.

S: Berapakah caruman tahunan yang perlu saya bayar?

Caruman adalah berdasarkan amaun perlindungan asas yang dipilih dan frekuensi. Kadar caruman adalah berbeza mengikut umur, jantina, status perokok dan kelas pekerjaan. Jadual di bawah merupakan petunjuk caruman tahunan bagi seorang lelaki yang mempunyai status kesihatan normal dan bukan perokok dengan amaun perlindungan sebanyak RM50,000.

Umur	30 Tahun	40 Tahun	50 Tahun
Caruman Tahunan (RM)	489	657	1,099

S: Adakah caruman saya akan bertambah apabila umur saya meningkat?

Tidak. Namun begitu caruman anda tidak dijamin dan AIA PUBLIC berhak untuk menyemak semula caruman dengan memberikan anda notis bertulis tiga (3) bulan sebelum ulang tahun sijil anda.

S: Apakah tempoh caruman bagi A-Life *Kasih Famili*?

Anda perlu membayar caruman sehingga umur tercapai 70 tahun. Caruman boleh dibayar secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan, mengikut kaedah pembayaran yang tersedia.

S: Bagaimana caruman saya diperuntukkan?

Caruman Yang Dibayar oleh Anda:	
Caruman Yang Diperuntukkan	Yuran Wakalah (Caruman Yang Tidak Diperuntukkan)
Amaun ini akan diletakkan ke dalam Dana Peserta dan <i>Tabarru'</i> akan diambil daripada Dana Peserta secara bulanan. Berdasarkan kontrak <i>mudharabah</i> (kontrak perkongsian keuntungan), sebarang pendapatan pelaburan daripada dana ini akan dikongsi mengikut nisbah yang telah ditentukan iaitu 20:80 di antara AIA PUBLIC dan anda. Bahagian anda akan diperuntukkan kembali ke dalam Dana Peserta.	Amaun ini digunakan untuk menampung perbelanjaan dan kos pengagihan AIA PUBLIC secara langsung, termasuk komisen yang dibayar kepada Perancang Hayat AIA. <i>Wakalah</i> (agensi) adalah kontrak di antara anda dan AIA PUBLIC, di mana anda memberi kebenaran kepada kami untuk bertindak bagi pihak anda untuk menjalankan urusan-urusan takaful.

Peratusan caruman anda yang diperuntukkan kepada Dana Peserta dan Yuran Wakalah adalah seperti berikut:

Tahun Sijil	1	2	3	4	5	6-15	>=16
Peruntukan bagi Dana Peserta	25%	25%	35%	45%	45%	70%	100%
Yuran Wakalah*	75%	75%	65%	55%	55%	30%	0%

* Peratusan caruman berkala yang tidak diperuntukkan kepada Dana Peserta.

S: Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

A-Life *Kasih Famili* adalah pelan caruman berkala di mana caruman anda akan dipotong sebagai Yuran *Wakalah* dan bakinya akan diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta (DRP) sebagai *Tabarru'*.

S: Adakah saya dapat menikmati Lebihan?

Lebihan akan ditentukan dan diumumkan, jika ada, sekurang-kurangnya sekali setahun oleh AIA PUBLIC. Sebarang Lebihan dari DRP, Lebihan bersih, selepas tuntutan yang perlu dibayar dan rizab yang diperlukan, akan dikongsi oleh pihak AIA PUBLIC dan anda, sebagai seorang Peserta, mengikut nisbah berikut:

	AIA PUBLIC	Peserta
Lebihan dalam DRP	50%	50%

Lebihan akan dikongsi oleh Peserta-peserta yang layak berkadaran mengikut *Tabarru'* mereka.

S: Adakah caruman yang dibayar untuk A-Life *Kasih Famili* layak untuk pelepasan cukai pendapatan?

Caruman yang dibayar untuk pelan ini boleh melayakkan anda untuk pelepasan cukai peribadi, tertakluk kepada keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

S: Bolehkah saya membatalkan Sijil Takaful ini?

Ya. Anda boleh membatalkan atau menyerahkan Sijil Takaful anda dengan memberikan notis bertulis kepada AIA PUBLIC. Walau bagaimanapun, penyertaan dalam produk Takaful Keluarga adalah komitmen kewangan jangka panjang. Adalah tidak dinasihatkan untuk membatalkan atau menyertai produk ini untuk tempoh yang singkat memandangkan kos permulaan yang tinggi. Anda juga mungkin tertakluk kepada keperluan pengunderaitan baharu, tempoh menunggu yang penuh dan sebarang tempoh menunggu lain dan pengecualian yang terpakai jika anda membuat keputusan untuk menyertai pelan baharu selepas itu.

S: Adakah AIA PUBLIC mempunyai pelan takaful lain yang melengkapi A-Life *Kasih Famili*?

Anda boleh memenuhi keperluan perlindungan dan perubatan keluarga anda dengan menyertai pelan A-Life *Kasih Famili* dan A-Life *Medik Famili*. Untuk maklumat lanjut tentang A-Life *Medik Famili*, sila hubungi Perancang Hayat AIA yang berdaftar atau lawati laman web kami, www.aia.com.my.

S: Apakah pengecualian-pengecualian utama untuk A-Life *Kasih Famili*?

Pelan ini tidak melindungi perkara-perkara berikut:

Kematian disebabkan oleh:

- Bunuh diri dalam tempoh satu (1) tahun dari Tarikh Sijil Dikeluarkan atau Tarikh Mula, mana-mana yang lebih kemudian.

Kemalangan disebabkan oleh:

- Serangan atau pembunuhan; atau
- Rusuhan dan keganasan awam, tindakan perindustrian atau kegiatan pengganas; atau
- Pendedahan kepada bahaya secara sengaja atau cubaan pemusnahan diri atau kecederaan diri semasa siuman ataupun tidak siuman; atau
- Peperangan, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, atau revolusi; atau
- Perkhidmatan dalam sebarang angkatan bersenjata semasa peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan atau semasa menjalani perintah untuk operasi yang menyerupai peperangan atau pemulihan ketenteraman awam; atau
- Perlanggaran atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang daripada ditahan; atau
- Terlibat dalam sebarang pergaduhan atau perkelahian; atau
- Kemalangan yang berlaku ketika atau kerana Orang Dilindungi dipengaruhi oleh alkohol, sebarang dadah yang bukan dipreskripsikan atau dadah haram.

Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal disebabkan oleh:

- Pendedahan sengaja terhadap bahaya atau percubaan untuk pembinasaan diri atau kecederaan diri yang disengajakan semasa siuman atau tidak siuman; atau
- Perkhidmatan dalam angkatan tentera dalam masa yang diisytiharkan atau tidak diisytiharkan perang atau semasa di bawah arahan operasi seakan peperangan atau pemulihan ketenteraman awam; atau
- Aktiviti yang berkaitan dengan sebarang peralatan atau kenderaan udara kecuali sebagai penumpang berbayar atau pekerja dalam syarikat penerbangan komersil yang berada dalam perjalanan penumpang yang berjadual dan biasa melalui laluan penumpang yang telah ditetapkan; atau
- Sebarang kecacatan kongenital yang telah wujud atau didiagnoskan sebelum umur 17 tahun; atau
- Hilang Upaya sedia ada akibat dari keadaan fizikal atau mental.

Penyakit Kritikal disebabkan oleh:

- Keadaan sedia ada sebelum Tarikh Sijil Dikeluarkan atau Tarikh Mula, mana-mana yang lebih kemudian; atau
- Kanser, Serangan Jantung, Pembedahan Pintas Koronari Arteri, Penyakit Koronari Arteri yang serius dan Angioplasti dan Rawatan Invasif yang lain untuk Penyakit Koronari Arteri, di mana tanda-tanda atau simptomnya bermula dalam tempoh 60 hari selepas Tarikh Sijil Dikeluarkan atau Tarikh Mula, mana-mana yang lebih kemudian; atau

- Semua Penyakit Kritikal di mana tanda-tanda dan simptomnya bermula dalam tempoh 30 hari selepas Tarikh Sijil Dikeluarkan atau Tarikh Mula, mana-mana yang lebih kemudian; atau
- Penyakit Kritikal yang didiagnoskan secara langsung atau secara tidak langsung disebabkan oleh kecacatan atau penyakit kongenital yang telah wujud atau telah didiagnoskan sebelum umur 17 tahun; atau
- Diagnosis Fulminant Viral Hepatitis, Kanser, Ensefalitis, Meningitis Bakteria, Penyakit Alzheimer / Demensia Parah atau Penyakit Terminal yang disebabkan oleh Sindrom Imunodifisiensi yang Diperolehi (AIDS) atau jangkitan oleh sebarang Virus Imunodifisiensi Manusia (HIV).

Nota Penting:

Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Helaian Pendedahan Produk, Ilustrasi Produk dan Sijil Takaful anda untuk senarai penuh bagi pengecualian-pengecualian di bawah pelan ini dan semua rider yang dilampirkan dengannya (jika ada).

Untuk Perhatian Anda

Pendedahan Umum

1. Anda harus berpuas hati bahawa pelan ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan anda mampu membayar caruman di bawah Sijil Takaful.
2. Jika Sijil Takaful dibatalkan dalam tempoh percubaan selama lima belas (15) hari, caruman penuh selepas ditolak perbelanjaan perubatan (jika ada) akan dikembalikan.
3. Caruman boleh dibayar sepanjang tempoh penuh sijil. Pembayaran caruman boleh dibuat secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan.
4. Pelan Takaful ini tidak akan memberi faedah daripada Dana Risiko Peserta (DRP) ke atas penamatan atau tamat tempoh Sijil Takaful.
5. Caruman untuk pelan ini tidak dijamin dan AIA PUBLIC berhak untuk menyemak semula caruman tersebut dengan memberikan notis bertulis tiga (3) bulan terlebih dahulu.
6. Anda harus memastikan bahawa maklumat penting mengenai pelan ini didedahkan kepada anda dan anda memahami maklumat yang didedahkan. Sekiranya terdapat kekaburan, anda perlu mendapatkan penjelasan daripada AIA PUBLIC.
7. Sila rujuk kepada Ilustrasi Produk untuk faedah-faedah terjamin di bawah pelan ini.
8. Apabila caruman tidak dibayar, sijil anda akan terus berkuatkuasa selagi Nilai Akaun di dalam Dana Peserta anda cukup untuk menampung caj-caj yang berkenaan, termasuk *Tabarru'*. Jika caruman tidak dibayar dan Nilai Akaun tidak cukup untuk menampung caj-caj sijil yang berkenaan, sijil anda akan luput selepas tempoh ihsan tamat.
9. Adalah merugikan untuk beralih dari satu pelan kesihatan kepada yang lain kerana anda mungkin tertakluk kepada keperluan pengunderaitan baharu, tempoh menunggu penuh dan mana-mana tempoh yang terpakai untuk pengecualian seterusnya bagi penyakit tertentu / keadaan sedia ada pelan baharu.
10. Risalah ini memberikan ringkasan ciri-ciri utama produk ini. Ia tidak membentuk Sijil Takaful. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk maklumat lanjut atau terma dan syarat yang tepat.
11. Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Takaful Keluarga, sila rujuk kepada buku kecil maklumat insurans berkenaan 'Takaful Keluarga' dan 'Takaful Perubatan dan Kesihatan', atau layari laman web, www.insuranceinfo.com.my.
12. Sila ambil perhatian bahawa caruman yang dibayar oleh organisasi perniagaan adalah tertakluk kepada cukai yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada kadar semasa.

(Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong)
(This page is intentionally left blank)

Risalah ini hanya mengandungi penerangan ringkas produk dan tidak menyeluruh. Anda disarankan untuk mendapatkan salinan Helaian Pendedahan Produk dan Ilustrasi Produk untuk maklumat lanjut tentang produk ini. Sila rujuk kepada Sijil Takaful untuk penjelasan terperinci tentang pengecualian, terma dan syarat produk ini. Semua maklumat adalah betul pada masa risalah ini dicetak.

A-Life *Kasih Famili* Ensuring Better Life For You And Your Family

Embarking on a new life journey as a working adult or starting a family is a wonderful and exciting experience. Reaching this stage of your life also means that you are ready to take on greater responsibilities and commitments; taking charge of your life as well as providing the best for your family, regardless of the hardship and sacrifices you go through.

Because of this, we believe that the well-being of your loved ones will always remain your top priority. And because family means everything to you, your love for them should never end even when you are no longer around.

Introducing **A-Life *Kasih Famili***[#], a Family Takaful plan that meets the protection needs of your family. This plan offers you peace-of-mind knowing that your loved ones will be able to continue enjoying the quality of life they are accustomed to should the unexpected happen to you or your spouse.

Plan ahead and ensure a better life for you and your family with **A-Life *Kasih Famili***.

A-Life *Kasih Famili*

Ensuring Better Life For You And Your Family



Value For Money
Coverage



Coverage For
You & Your Spouse



Additional Coverage
For Critical Illness



Hibah For
Your Loved Ones



FAMILY PLAN

AIA PUBLIC Takaful Bhd. is a member of PIDM.

[#] The benefit(s) payable under eligible takaful certificates / products is (are) protected by Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") up to limits. Please refer to PIDM's Takaful and Insurance Benefits Protection System ("TIPS") Brochure or contact AIA PUBLIC Takaful Bhd. or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

Terms and conditions apply.

A-Life *Kasih Famili* Closer Look At The Benefits¹



Death or TPD Benefit

Your family will receive the basic coverage amount if the following events occurred:

1. Death due to all causes; or
2. Total & Permanent Disability (TPD)



Accidental Death Benefit

Your family will receive **200%** of the basic coverage amount in the event of accidental death to you.



Optional Benefit For Spouse Coverage

With **A-Plus *ProtectSpouse-i*** rider, your spouse will get coverage on death, TPD or accidental death.



Optional Benefit For Critical Illness Coverage

You can choose from one of these riders to enhance your plan with coverage on critical illness.

1. **A-Plus *CriticalCare-i***; or
2. **A-Plus *Waiver-i***

¹ Terms and conditions apply.

A-Life *Kasih Famili* Things You Should Know

Q: What is Takaful?

Takaful is a mutual assistance scheme based on the principles of solidarity, brotherhood, and cooperation. Each participant agrees to contribute based on *Tabarru'* (donation) into a fund, namely the Participants' Risk Fund (PRF), which will be used to assist each other in times of need. AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC) as a Takaful Operator is entrusted to invest and manage this fund in accordance with Shariah-compliant investment strategy.

Q: What is A-Life *Kasih Famili*?

A-Life *Kasih Famili* is a regular contribution Family Takaful plan that provides you coverage on death, disability and accidental death. You can also choose to enhance the plan's basic protection by adding optional benefits on spouse coverage and critical illness.

Q: Who is eligible to participate in A-Life *Kasih Famili*?

	Minimum Age	Maximum Age
Person Covered	16 years old	60 years old
Participant	16 years old	No limit

Q: What is the term of coverage for A-Life *Kasih Famili*?

The certificate will mature on the certificate anniversary or when the Person Covered attains age 70.

Q: How much is the coverage amount in A-Life *Kasih Famili*?

You can choose the coverage amount from a minimum amount of RM50,000 up to a maximum amount of RM500,000. For **A-Plus *ProtectSpouse-i*** rider, the minimum coverage amount is RM30,000 and its maximum amount shall not exceed the coverage amount of the basic plan.

The maximum amount of your coverage is subject to underwriting requirement.

Q: How much annual contribution do I have to pay?

The contribution is based on your selection of basic coverage amount and contribution frequency. Contribution rate will vary according to age, gender, smoking status and occupational class. The table below shows the indicative annual contribution rates for a non-smoker male of standard health, with coverage amount of RM50,000.

Age	30 Years	40 Years	50 Years
Annual Contribution (RM)	489	657	1,099

Q: Will my contributions increase as my age increases?

No. However, your contributions are not guaranteed and AIA PUBLIC reserves the right to revise the contributions by giving you three (3) months written notice prior to your certificate anniversary.

Q: What is the term of contributions for A-Life *Kasih Famili*?

You will need to pay your contributions up to the attained age of 70 years old. Contributions can be paid annually, half-yearly, quarterly or monthly, according to the available payment methods.

Q: How is my contribution being allocated?

Contributions Paid by You:	
Allocated Contribution	Wakalah Fee (Unallocated Contribution)
This amount will be allocated into Participants' Fund and <i>Tabarru'</i> will be deducted from the Participants' Fund on monthly basis.	This amount is used to pay AIA PUBLIC expenses and direct distribution costs, including the commission payable to the AIA Life Planner.
In accordance with <i>mudharabah</i> contract (profit sharing contract), any investment income from this fund will be shared at a pre-determined ratio of 20:80 between AIA PUBLIC and you. Your share will be allocated back to the respective account under the Participants' Fund.	<i>Wakalah</i> (agency) is a contract between you and AIA PUBLIC, where you authorise us to act on your behalf in conducting the affairs of takaful business.

The percentage of your contribution allocated towards the Participants' Fund and *Wakalah* Fee is as follows:

Certificate Year	1	2	3	4	5	6-15	>=16
Allocation to Participants' Fund	25%	25%	35%	45%	45%	70%	100%
Wakalah Fee*	75%	75%	65%	55%	55%	30%	0%

* Percentage of regular contribution not allocated towards Participants' Fund.

Q: What are the fees and charges that I must pay?

A-Life *Kasih Famili* is a regular contribution plan, where a percentage of your contribution will be deducted as *Wakalah* Fee and the balance will be allocated into the Participants' Risk Fund (PRF) as *Tabarru'*.

Q: Do I get to enjoy Surplus?

Surplus will be determined and declared, if any, at least once a year by AIA PUBLIC. If there is any Surplus arising from the PRF, the net Surplus, after claims payable and required reserves shall be shared by AIA PUBLIC and you, as the Participant, at the following ratios:

	AIA PUBLIC	Participant
Surplus in PRF	50%	50%

The Surplus will be shared by the eligible Participants proportionally in accordance to their *Tabarru'*.

Q: Are contributions paid for A-Life *Kasih Famili* eligible for income tax relief?

Contributions paid for this plan may qualify you for a personal tax relief, subject to the final decision of the Malaysian Inland Revenue Board.

Q: Can I cancel the Takaful Certificate?

Yes. You may cancel or surrender your Takaful Certificate by giving a written notice to AIA PUBLIC. However, participating in a Family Takaful product is a long-term financial commitment. It is not advisable to cancel or hold this product for a short period of time given the high initial cost. You may also be subject to new underwriting requirement, full waiting period and any other waiting period and exclusions that may become applicable should you decide to participate in a new plan later.

Q: Does AIA PUBLIC have any other takaful plans that can complement A-Life *Kasih Famili*?

You can fulfil your family's protection and medical needs by participating in A-Life *Kasih Famili* and A-Life *Medik Famili* plans. For more information about A-Life *Medik Famili*, please contact an authorised AIA Life Planner or visit our website, www.aia.com.my.

Q: What are the major exclusions for A-Life *Kasih Famili*?

This plan does not cover any of the following occurrences:

Death due to:

- Suicide within one (1) year from the Issue Date or Commencement Date of the certificate, whichever is later.

Accident due to:

- Assault or murder; or
- Riot and civil commotion, industrial action or terrorist activity; or
- Wilful exposure to danger or attempted self-destruction or self-inflicted injuries while sane or insane; or
- War, declared or undeclared, or revolution; or
- Service in any armed forces in time of declared or undeclared war or while under orders for warlike operations or restoration of public order; or
- Violation or attempted violation of the law or resistance to arrest; or
- Participation in any fight or affray; or
- Accident occurring while or because the Person Covered is under the influence of alcohol, any non-prescribed drug or illegal drug.

Total and Permanent Disability due to:

- Wilful exposure to danger or attempted self-destruction or self-inflicted injuries while sane or insane; or
- Services in any armed forces in time of declared or undeclared war or while under orders for warlike operations or restoration of public order; or
- Activities connected to any aerial device or conveyance except as a fare-paying passenger or crew member on a commercial airline on a regular scheduled passenger trip over its established passenger route; or
- Any congenital defect which has manifested or was diagnosed before age 17; or
- Pre-existing disability resulting from a physical or mental condition.

Critical Illness due to:

- Pre-existing Conditions prior to the Issue Date or Commencement Date of the certificate, whichever is later; or
- Cancer, Heart Attack, Coronary Artery By-Pass Surgery, Serious Coronary Artery Disease and Angioplasty and Other Invasive Treatments for Coronary Artery Disease, for which the signs or symptoms first occurred within 60 days following the Issue Date or Commencement Date, whichever is later; or

- All other critical illnesses for which the signs or symptoms first occurred within 30 days following the Issue Date or Commencement Date of the certificate, whichever is later; or
- Critical illness was diagnosed directly or indirectly due to a congenital defect or disease which has manifested or was diagnosed before age 17; or
- The diagnosis of Fulminant Viral Hepatitis, Cancer, Encephalitis, Bacterial Meningitis, Alzheimer's Disease / Severe Dementia or Terminal Illness was directly or indirectly due to an Acquired Immunodeficiency Syndrome (AIDS) or infection by any Human Immunodeficiency Virus (HIV).

Important Note:

This list is non-exhaustive. Please refer to the Product Disclosure Sheet, Product Illustration and your Takaful Certificate for the full list of exclusions under this plan and all attaching riders (if any).

For Your Attention

General Disclosures

- You should satisfy yourself that the plan will best serve your need and you can afford the contribution payable under the Takaful Certificate.
- If the Takaful Certificate is cancelled within the fifteen (15) days free look period, the full contribution less medical expenses (if any) will be refunded.
- The contribution is payable throughout the full certificate term. Contribution payment can be made annually, half-yearly, quarterly or monthly.
- This Takaful plan will not provide benefit from Participants’ Risk Fund (PRF) upon termination or expiry of the Takaful Certificate.
- The contribution for this plan is not guaranteed and AIA PUBLIC reserves the right to revise the contribution by giving you three (3) months’ prior written notice.
- You should ensure that important information regarding this plan is disclosed to you and you understand the information disclosed. If there is ambiguity, you should seek clarification from the Takaful Operator.
- Please refer to the Product Illustration for guaranteed benefits under this plan.
- In the event of non-payment of your contribution, your certificate will remain in-force as long as your Account Value in Participants’ Fund (PF) is sufficient to cover the relevant charges, including *Tabarru’*. If any contribution is unpaid and the Account Value of PF becomes insufficient to cover the relevant certificate charges, your certificate shall lapse after the grace period.
- It would be disadvantageous to switch from one health plan to another as you may be subject to new underwriting requirement, full waiting period and any applicable period for the next exclusion of specific illnesses / pre-existing conditions of the new plan.
- This brochure provides a summary of the main features of this product. It does not constitute a Takaful Certificate. Please refer to the Takaful Certificate for more details or exact terms and conditions.
- Should you require additional information about Family Takaful, please refer to the insurance info booklet on ‘Family Takaful’, or visit www.insuranceinfo.com.my.
- Please note that contributions paid by business organisations are subject to the applicable tax imposed by the Government of Malaysia at the prevailing rate.

This brochure contains only a brief description of the product and is not exhaustive. It is recommended that you request for a copy of the Product Disclosure Sheet and Product Illustration to know more about this product. For a detailed explanation of the benefits, exclusions, terms and conditions, please refer to the Takaful Certificate. All information is correct at the time of print.

Lampiran / Appendix

A-Life *Kasih Famili* – Jadual Kadar Caruman Tahunan / Annual Contribution Rates Table*

Jantina / Umur Gender / Age		Perempuan / Female (RM)						
		20	25	30	35	40	45	50
Lelaki / Male (RM)	20	671	677	724	774	846	971	1,150
	25	679	685	732	782	854	979	1,158
	30	747	753	800	850	922	1,047	1,226
	35	819	825	872	922	994	1,119	1,298
	40	915	921	968	1,018	1,090	1,215	1,394
	45	1,078	1,084	1,131	1,181	1,253	1,378	1,557
	50	1,357	1,363	1,410	1,460	1,532	1,657	1,836

** Jadual ini menunjukkan kadar caruman tahunan untuk Orang Dilindungi dan Pasangan berdasarkan amaun perlindungan RM50,000. Caruman untuk frekuensi yang lain mungkin berbeza berdasarkan faktor modal sumbangan. Amaun caruman yang ditunjukkan termasuk mana-mana cukai yang akan dikenakan pada kadar semasa. / This table shows the annual contribution rates for Person Covered and Spouse based on RM50,000 coverage amount. The contribution rates for other frequency may differ due to modal factor. The contribution amount indicated is inclusive of any tax that will be charged at the prevailing rate.*

Tentang AIA PUBLIC

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC) dimiliki bersama oleh AIA Co. Ltd. (AIA), Public Bank Berhad (PBB) dan Public Islamic Bank Berhad (anak syarikat milik penuh PBB). Ditubuhkan pada 11 Mac 2011, AIA PUBLIC menggunakan kedudukan AIA dan Kumpulan PBB sebagai peneraju di samping infrastruktur dan rangkaian pengedaran di dalam industri insurans dan perbankan yang kukuh bagi memacu pertumbuhan dan meningkatkan pencapaian Takaful Keluarga di dalam pasaran domestik. AIA PUBLIC komited dalam menawarkan penyelesaian Syariah yang tepat bagi memenuhi keperluan yang berbeza pada setiap peringkat kehidupan pelanggan-pelanggan kami.

About AIA PUBLIC

AIA PUBLIC Takaful Bhd. (AIA PUBLIC) is jointly owned by AIA Co. Ltd. (AIA), Public Bank Berhad (PBB) and Public Islamic Bank Berhad (a wholly-owned subsidiary of PBB). Incorporated on 11 March 2011, AIA PUBLIC leverages on AIA and PBB Group's leadership positions as well as established infrastructure and distribution networks in the insurance and banking industries to drive growth and increase the Family Takaful penetration in the domestic market. AIA PUBLIC is committed to offering the right Shariah solutions to meet the different life stages needs of our customers.

Hubungi Kami untuk Maklumat Lanjut / Please Contact Us for More Information

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Perancang Hayat AIA yang berdaftar. /
If you have any question, please contact any authorised AIA Life Planner.



Anda juga boleh menghubungi kami melalui / You can also reach out to us at:

AIA PUBLIC Takaful Bhd. 201101007816 (935955-M)
Menara AIA, 99, Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur
Care Line: 1300-88-8922
Tel: 03-2056 1111

AIA.COM.MY

AIA PUBLIC Takaful Bhd. adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. / AIA PUBLIC Takaful Bhd. is licensed under Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia.